

02 JUL 2003

Chan-KLIA/I

KEDAI BEBAS CUKAI KLIA BOLEH TERUSKAN OPERASI DUA TAHUN LAGI, CKC

PUTRAJAYA, 2 Julai (Bernama) -- Kedai-kedai bebas cukai di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) akan dibenarkan beroperasi selama dua tahun lagi selepas tender mereka sekarang tamat tempoh, kata Menteri Pengangkutan Datuk Chan Kong Choy hari ini.

Beliau berkata mereka tidak perlu mengemukakan tender baru kepada Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) apabila tender mereka sekarang berakhir.

Katanya pelanjutan dua tahun secara automatik itu diberikan memandangkan keadaan sukar yang dihadapi oleh kedai berkenaan ekoran perniagaan mereka terjejas akibat Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) yang menyebabkan jumlah pelancong berkurangan.

Bercakap kepada pemberita di kementeriannya di sini selepas menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet pertamanya pagi ini, beliau berkata kadar sewa juga akan kekal serupa.

"Semua ini akan banyak membantu para pengusaha kedai bebas cukai di KLIA," kata Chan yang dilantik sebagai Menteri Pengangkutan yang baru oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 24 Jun. Chan menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang bersara.

MAHB mengendalikan 38 lapangan terbang di Malaysia termasuk KLIA.

Chan berkata penguatkuasaan itu hanya terpakai kepada 76 kedai bebas cukai di KLIA dan bukan kedai-kedai di lapangan terbang antarabangsa lain di negara ini.

Beliau juga berkata satu kajian sedang dijalankan untuk melihat bagaimana kedai-kedai bebas cukai di KLIA dapat dipertingkatkan.

Bagi tujuan itu, kajian mendalam akan dibuat terhadap operasi bebas cukai di lapangan terbang di London dan Dubai.

Beliau berkata ini tidak bermakna bahawa sistem bebas cukai yang diamalkan di KLIA tidak baik.

"Kita bersikap berfikiran terbuka. Sekiranya sistem mereka lebih baik, kenapa kita tidak menggunapakainya di lapangan terbang kita," katanya.

Mengenai perasaan beliau berhubung mesyuarat Kabinet pertamanya itu, Chan berkata ia merupakan satu pengalaman yang amat berharga.

Beliau berkata ia berbeza jika dibandingkan dengan menghadiri mesyuarat Majlis Eksekutif Negeri di Pahang di bawah bekas Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob.

"Ia hanya melibatkan lapan orang dan (Menteri Penerangan) Tan Sri Khalil kini adalah rakan Kabinet saya," beliau berseloroh.

Chan juga telah mengubah kedudukan meja pejabat daripada kedudukan asalnya semasa Dr Ling adalah Menteri Pengangkutan. Terdapat beberapa jambangan bunga dalam pejabatnya, tampaknya daripada peminat beliau.

-- BERNAMA

MAM MAM RHM